

70 pelajar tahun empat UMS sertai program khidmat masyarakat

UB 22.12.2011 B4

KOTA KINABALU: Seramai 70 pelajar tahun empat Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam dari Universiti Malaysia Sabah (UMS) menyertai program khidmat masyarakat iaitu pembinaan pondok rukun tetangga di Kampung Terawi, Penampang dan perhentian menunggu tabika Kemas di Kampung Keliangau, Menggatal, baru-baru ini.

Program itu antara lain bertujuan melibatkan golongan profesional supaya turun padang untuk memberikan khidmat kepada masyarakat, khususnya penduduk kampung.

Ia juga merupakan landasan bagi pelajar UMS merapatkan hubungan dengan komuniti masyarakat selain memberi peluang kepada pelajar Program Kejuruteraan Awam mengaplikasikan pengetahuan ilmu secara

praktikal.

Program itu turut menerima sumbangan daripada Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok, Adun Moyog, Datuk Donald Mojuntin, Adun Inanam, Datuk Johny Goh dan Senator Datuk Paul Kong Sing Chu.

Dalam ucapan alu-aluan sempena perasmian majlis itu di Foyer SKTM, pensyarah Kejuruteraan Awam, Asmawan Mohd Sarman berkata aktiviti itu amat sesuai sebagai platform untuk pelajar mempraktikkan ilmu teori yang dipelajari.

“Walaupun masa dan sumber kewangan yang agak terhad namun semuanya tidak menjadi masalah bagi pelajar dan dapat diatasi dengan berkat kesabaran dan kesungguhan yang ada,” katanya.

Beliau turut meluahkan rasa bangga kepada pelajar yang bakal menjadi jurutera yang akan mewarnai industri pembinaan di masa hadapan.

Sementara itu, Timbalan Dekan HEPA SKTM, Dr Jason Teo berkata aktiviti seumpama itu harus diteruskan di masa akan datang kerana ianya merupakan saluran yang dapat membina hubungan yang rapat khususnya di antara komuniti dan pelajar kejuruteraan awam.

T a m b a h n y a , mengetahui kaedah pengurusan projek yang berkesan dapat membantu pelajar di alam pekerjaan kelak.

Pengarah projek bagi pembinaan Pondok Rukun Tetangga ialah Steven Wang Kah Wah manakala Emma Azzianitah Golkasah mengemudi projek Perhentian Menunggu Tabika Kemas.



RASMI...Perasmian pondok rukun tetangga Kg Terawi.